

# **KECURIAN IDENTITI**

Kecurian identiti berlaku apabila seseorang menggunakan maklumat peribadi anda, seperti nama, hari lahir, nombor telefon, atau nombor kad kredit, tanpa kebenaran anda, untuk menjalankan penipuan atau jenayah lain.

## **Berikut adalah tip untuk melindungi maklumat anda:**

- Berhati-hati semasa memberi maklumat peribadi di dalam laman web, e-mel, sistem permesejan segera, bilik bual atau pada papan mesej, terutamanya apabila anda tidak pasti. Anda berhak menanyakan mengapa dan bagaimana maklumat itu digunakan.
- Baca pernyataan privasi.
- Tutup akaun kad kredit yang meragukan serta-merta.
- Awasi penyata kad kredit anda. Ingat bahawa aktiviti penipuan mungkin tidak akan muncul serta-merta.
- Bincang dengan institusi kewangan anda mengenai aktiviti yang ganjil pada akaun anda.
- Hubungi agensi kerajaan yang berkaitan untuk membatalkan dan menggantikan sebarang lesen memandu atau kad pengenalan diri yang hilang.
- Perhatikan tanda-tanda kecurian identiti: bil yang hilang atau lambat sampai, menerima kad kredit yang anda tidak mohon, ditolak kredit atau ditawarkan terma yang kurang menguntungkan tanpa sebab-sebab yang jelas, atau dihubungi pemungut hutang atau orang lain mengenai pembelian yang anda tidak buat.
- Jangan hantar gambar anda sendiri, gambar rakan atau keluarga anda kepada seseorang yang anda temui atau berbual dalam talian.
- Jika anda merancang untuk menemui seseorang yang anda telah temui di Internet, bawa seorang rakan bersama. Orang di dunia sebenar mungkin berbeza daripada diri mereka dalam talian.
- Jangan buka e-mel, fail atau pautan tapak web daripada orang yang anda tidak begitu kenal.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Khidmat Pengurusan  
Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok  
Negeri Kelantan**

